

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD [ LIPIS ]**

**TARIKH : 28 MAC 2016 (ISNIN)**

**SOALAN : 71**

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad [ Lipis ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan usaha bagi merapatkan jurang digital di antara kawasan bandar dan luar bandar sekaligus membudayakan teknologi komunikasi dalam masyarakat luar bandar.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi merapatkan jurang digital antara kawasan bandar dan luar bandar sekali gus membudayakan teknologi komunikasi dalam masyarakat luar bandar, Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi menambah baik capaian dan langganan jalur lebar dan liputan selular di kawasan luar bandar. Sehingga 31 Januari 2016, antara inisiatif tersebut adalah seperti berikut :

## SOALAN NO: 71

1. Sebanyak 657 lokasi Pusat Internet 1Malaysia adalah berstatus siap dan beroperasi;
2. Sebanyak 2,977 buah lokasi WiFi Komuniti adalah berstatus siap dan beroperasi;
3. Sebanyak 1,000 buah menara komunikasi di bawah program Peluasan Liputan Selular - Menara Komunikasi adalah berstatus siap dan beroperasi;
4. Sebanyak 1,410 buah lokasi projek Liputan Jalur Lebar Mudah Alih 3G telah dinaik taraf; dan
5. Sebanyak 3,216 port telah disediakan bagi projek Jalur Lebar Luar Bandar (RBB).